



Hubungan Antara Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Kolaboratif Berdasarkan Pencapaian Ujian Penilaian Akhir Tahun Mata Pelajaran Sejarah.

Saerah Shuib¹, Siti Hawa Abdullah² & Hazri Jamil³
^{1, 2, 3} Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Article Info

Received:
03 January 2020

Accepted:
13 March 2020

Publish
06 April 2020

E-mail adress:

*corresponding Author :
*umiefathimah@gmail.com.

e-ISSN 2682-759X

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara min skor ujian sikap (anxiety, confident, liking dan usefulness) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif yang diamalkan dalam pembelajaran Abad ke-21 di sekolah bawah Program Transformasi Sekolah (TS25) dengan keputusan ujian penilaian akhir tahun bagi mata pelajaran Sejarah dalam daerah Kuala Muda/Yan. Kajian ini berbentuk tinjauan jenis deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini melibatkan 42 orang murid Tingkatan 1 dan 2, yang terlibat secara langsung dan aktif dengan Pembelajaran. Hasil analisis didapati bahawa sikap positif murid ke arah pembelajaran kolaboratif menyumbang kepada keputusan yang baik dalam Sejarah. Semakin positif sikap murid terhadap pembelajaran kolaboratif semakin baik pencapaian ujian penilaian akhir tahun. Dapatan ini dapat dijadikan indikator kejayaan Pembelajaran Kolaboratif dan seterusnya mengarah kepada keberhasilan murid.

Keyword: Pembelajaran Kolaboratif, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Keberhasilan Murid, Mata Pelajaran Sejarah.

Pengenalan

Pengajaran bermaksud proses pemilihan kaedah untuk menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan dan media bagi membantu murid mencapai objektif yang telah ditetapkan (Baharuddin Aris., Rio Sumarni Shariffudin., & Manimegalai Subramaniam., 2002). Manakala Abdul Rahim M. Ali (2001) memberikan maksud pengajaran ialah proses memberi maklumat, pengetahuan dan kemahiran kepada murid secara langsung yang melibatkan hubungan sehalu atau dua hala, komunikasi (lisan atau bukan lisan) dan melibatkan pemindahan ilmu dan maklumat. Pembelajaran pula merupakan satu proses yang memerlukan latihan dan juga usaha untuk mendapatkan pengetahuan dalam kemahiran dalam hidup. Menurut Sharifah Alwiyah (1985), perubahan dalam diri setelah mempelajari sesuatu dikatakan telah berlaku apabila

seseorang itu menunjukkan perubahan tingkah laku dari tidak tahu sesuatu kepada mengetahui sesuatu. Pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai adalah penting supaya dapat menarik minat murid memahami dan menarik minat kepada sesuatu mata pelajaran. Pelbagai kaedah perlu diterokai dan dicuba untuk dilaksanakan di dalam kelas jika kaedah konvensional seperti tutur dan kapur semata-mata kurang menarik minat murid.

Penyataan Masalah

Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid dari Tingkatan satu hingga lima sejak tahun 1989, di bawah pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Mata (KBSM) pelajaran ini juga telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013. Mata pelajaran Sejarah mula diperkenalkan untuk pelajar tahap dua sekolah rendah yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Sejarah juga berdepan dengan perubahan dalam menambah baik keberkesanan aspek kemenjadian murid, sejajar dengan saranan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Murid (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diterapkan dalam pendidikan Sejarah mulai tahun 2014 menggantikan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) yang mula dilaksanakan pada tahun 1994. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) KBAT perlu dilaksanakan berkonsepkan pengajaran berasaskan keberhasilan, iaitu berpusatkan murid dengan melibatkan mereka secara aktif dalam PdP tugas dan soalan yang mencabar pemikiran (Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Dalam proses ini, empat tahap pemikiran yang tinggi diberi fokus iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Oleh itu, apa yang diharapkan apabila seseorang murid tamat tingkatan lima, dia akan dapat mengaplikasikan konsep yang dipelajari melalui mata pelajaran Sejarah dalam kehidupan seharian kerana pendidikan Sejarah adalah satu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran dan proses pemikiran secara kritis dan analitis.

Hakikatnya, mata pelajaran Sejarah kurang menarik minat dalam kalangan murid sekolah menengah. Mata pelajaran Sejarah sepatutnya diminati bukan sahaja kerana wajib lulus dalam peperiksaan SPM bahkan merupakan subjek teras dalam pembinaan jati diri seseorang murid (Pushpalatha, 2006). Namun secara realitinya mata pelajaran ini tidak mendapat peratusan lulus yang memberangsangkan di sekolah-sekolah. Laporan Status Mata Pelajaran Sejarah oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (JNSP) (2005) merumuskan bahawa pengajaran Sejarah masih berpusatkan guru (1993, 1994, 1995, 2000, 2005). Laporan Prestasi Mata Pelajaran Sejarah (1993, 1994, 1996 dan 2003) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2003) turut menyatakan bahawa murid masih menghafal dan meramal topik-topik tertentu tanpa menganalisis kehendak soalan. Prestasi mata pelajaran Sejarah juga merosot dari tahun ke tahun dari segi kualiti, puncanya kerana tidak memahami konsep-konsep yang diutarakan dan gagal berfikir melalui bahan pengajaran Sejarah (Ahmad Raza Ayudin, 2011). Berdepan dengan pendidikan dalam abad ke-21, pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh para pendidik. Guru telah sedaya upaya mendidik dengan batasan garis panduan daripada pihak atasan, namun ada sesuatu yang selalu dirasakan kekurangan. Aspek yang tidak ada itu ialah perhubungan manusia dengan komponen-komponen bukan manusia di dunia ini. Ada sesuatu yang tidak berfungsi dengan betul memandangkan pelbagai hidupan di sekeliling semakin pupus. Generasi muda kini kehilangan imaginasi dan keupayaan untuk mengalami pelbagai emosi dalam membantu perkembangan intelek dalam menjana pemikiran dan kemenjadian mereka. (O'Sullivan, 2007).

Hasil pendidikan boleh membawa kepada sifat pengajaran dan penilaian yang terhad. Menilai hasil secara liberal seperti kreativiti, menghormati diri dan orang lain, tanggungjawab, dan kecukupan, akan menjadi masalah. Tidak ada cara yang boleh di ukur, diperhatikan, atau khusus untuk menentukan sama ada murid telah mencapai sesuatu hasil. Oleh kerana sifat hasil yang spesifik (Tam, 2014). Apabila dasar pendidikan menekankan kepada konsep Pendidikan Berasaskan Keberhasilan tanggapan awal guru mendapati bahawa kerja mereka meningkat; mereka mesti bekerja untuk mula memahami hasilnya, kemudian membina kurikulum di setiap hasil yang mereka perlukan. Pengajar mendapati bahawa melaksanakan pelbagai hasil adalah sukar untuk dilakukan secara sama rata, terutamanya di sekolah rendah. Pengajar juga akan mendapati beban kerja mereka meningkat jika mereka memilih untuk menggunakan kaedah penilaian yang menilai pelajar secara holistik (Donnelly, 2007). Maka dengan memfokuskan kepada proses PdP yang bermakna boleh merangsang pemikiran murid (Maharom Mahmud, 1999). Murid perlu diterapkan dengan konsep pemikiran Sejarah agar dapat memberi satu persepsi baru kepada minda pelajar bahawa Sejarah bukanlah satu subjek yang kaku dan membosankan. Hal ini juga dapat mendedahkan kepada murid, tentang seseorang ahli Sejarah itu bekerja melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dibimbing oleh guru mereka (Isabel, G., Gracia, & Valverde, 1997).

Rumusan yang dapat disimpulkan pemilihan kaedah PdP adalah penting dalam menarik minat murid kepada proses pembelajaran. Menurut Abdul Rahim (1989) untuk melakukan anjakan paradigma, guru sejarah perlu memiliki ciri-ciri kompetensi profesional yang seperti berpengetahuan sejarah, menguasai pedagogi sejarah, patriotik, menggunakan bahan bantu mengajar dan bahan teknologi untuk menjelaskan fakta sejarah dengan lebih berkesan. Oleh itu apabila guru berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, pembelajaran akan menjadi bertambah menarik. Selain itu guru perlu lebih bersedia merancang pengajaran yang berpusatkan murid supaya output pembelajaran akan lebih maksimum diterima oleh murid. Murid akan terlibat secara langsung dalam proses PdP dan ini akan memberikan pengalaman yang lebih berharga kepada keberhasilan murid.

Sorotan Literatur

Pembelajaran kolaboratif adalah situasi dua atau lebih murid belajar atau cuba mempelajari sesuatu bersama (Dillenbourg, 1999). Tidak seperti pembelajaran individu, murid yang terlibat dalam pembelajaran kolaboratif memanfaatkan sumber dan kemahiran satu sama lain dari aspek berkongsi maklumat, menilai satu sama lain, semakan kerja satu sama lain dan lain-lain (Ming Chiu, 2000) (Ming Chiu, 2008). Lebih khusus lagi, pembelajaran kolaboratif adalah berdasarkan kepada model pengetahuan yang diwujudkan dalam kumpulan murid yang berinteraksi secara aktif untuk berkongsi pengalaman hasil daripada proses main peranan yang asing bagi mereka (Mitnik, Recabarren, Nussbaum, & Soto, 2009). Pembelajaran kolaboratif juga digambarkan apabila kumpulan murid bekerjasama untuk mencari pemahaman, makna, atau penyelesaian dalam proses pembelajaran mereka. Pembelajaran kolaboratif secara tidak langsung mengubah semula hubungan murid-guru secara tradisionalnya berlaku dalam bilik darjah yang menyebabkan berlakunya paradigm yang membawa lebih manfaat (Ming Chiu, 2004) (Tori Harding-Smith, 1993).

Pembelajaran kolaboratif berakar daripada konsep pembelajaran Lev Levy yang dipanggil zon pembangunan proksimal. Zon ini dipahami sebagai zon perkembangan psikologi yang paling dekat dan paling mendekati kanak-kanak yang termasuk pelbagai emosi, kognitif, dan kegembiraan. Zon pembangunan proksimal, yang merupakan kategori perkara yang murid boleh belajar tetapi dengan bantuan bimbingan supaya sesuatu tugas yang tidak dicapai oleh murid dapat setelah dibantu dan diberikan sokongan dari orang dewasa yang berpengetahuan

(Zaretskii, 2009). Dalam definisi Vygotsky tentang zon pembangunan proksimal, beliau menekankan pentingnya pembelajaran melalui komunikasi dan interaksi dengan orang lain dan bukan hanya melalui kerja bebas (Yasnitsky, 2018). Hal Ini memberi idea kepada pembentuk pembelajaran kumpulan, salah satunya ialah pembelajaran kolaboratif.

Menurut Gokhale (1995), murid akan dapat mencapai tahap pembelajaran ke tahap yang lebih tinggi dan dapat mengekalkan lebih banyak maklumat apabila mereka belajar secara kolaboratif. Hal ini kerana idea dan pengetahuan daripada ahli kumpulan, fasilitator dan guru dapat dikongsi bersama secara serentak dengan penerima pengetahuan ataupun para murid (Gokhale, 1995). Selalunya, pembelajaran kolaboratif diibaratkan payung untuk menggambarkan kepelbagaian pendekatan dalam pendidikan yang melibatkan upaya intelektual bersama oleh murid sesama murid atau murid dan guru dengan melibatkan peranan individu dalam aktiviti pembelajaran yang saling bergantung, yakni saling payung menayungi (Smith, B. L., & MacGregor, 1992). Oleh itu, didapati pembelajaran kolaboratif ini bermanfaat untuk membantu murid belajar dengan berkesan dan lebih cekap berbanding murid yang belajar secara individu. Hasil positif daripada pembelajaran kolaboratif adalah murid dapat mempelajari lebih banyak dengan berkongsi bahan dan maklumat. Hal ini kerana mereka akan memastikan setiap ahli kumpulan memahami isu yang dibincangkan dan pada masa yang sama, murid akan menyimpan lebih banyak maklumat daripada perbincangan yang bijak, dan pelajar mempunyai sikap yang lebih positif mengenai pembelajaran dan satu sama lain dengan bekerja bersama ("Wisconsin's Guiding Principles for Teaching and Learning | Wisconsin Department of Public Instruction," n.d.).

Sikap pula mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Sikap ialah sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Jika murid itu memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya sesuatu yang dipelajarinya, maka dia akan cuba menguasai pengajaran tersebut dengan pelbagai cara. Kesediaan belajar adalah satu situasi yang memungkinkan seseorang itu untuk belajar. Thorndike (1931) dalam Kamaruddin Hussin (1993) yang mengutarakan prinsip kesediaan belajar berpendapat bahawa proses pembelajaran itu akan menjadi lebih berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan dalam diri murid-murid untuk menerimanya. Aiken (1980) menggambarkan sikap sebagai "kecenderungan belajar untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, konsep, atau orang." Pembelajaran itu tidak boleh dipaksa jika belum sampai masanya, dan sekiranya dilakukan juga, ia tidak akan menghasilkan sesuatu yang baik dan sempurna. Kesediaan yang dimaksudkan ialah kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini untuk melihat hubungan di antara min skor ujian sikap (*anxiety, confident, liking dan usefulness*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan ujian penilaian akhir tahun bagi mata pelajaran Sejarah.

PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan kajian yang perlu di jawab di akhir kajian ini :-

- a) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap (*anxiety, confident, liking dan usefulness*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.

HIPOTESIS

- Ho 1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap keresahan (*anxiety*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.
- Ho 2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap keyakinan (*confident*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.
- Ho 3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap kesukaan (*liking*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.
- Ho 4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap kebolegunaan (*usefulness*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap murid terhadap pembelajaran kolaboratif yang diamalkan di dalam Pembelajaran abad ke-21 melalui Program Transformasi Sekolah (TS25) dengan keputusan Ujian Penilaian Akhir.

SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan murid ingkatan satu dan dua, sekolah yang terletak di daerah Kuala Muda/Yan, Kedah yang terbabit secara langsung dan aktif dengan pembelajaran kolaboratif yang diamalkan dalam pembelajaran abad ke-21. Kajian ini melibatkan 42 orang murid dan memfokuskan kepada sikap mereka terhadap pembelajaran kolaboratif dan hubungannya dengan pencapaian ujian penilaian akhir tahun.

METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui satu set soal selidik yang diedar dan dilengkapkan oleh responden yang terdiri daripada 42 orang murid tingkatan satu dan dua. Setiap responden diperuntukkan masa selama 30 minit untuk menjawab kedua-dua bahagian soal selidik ini yang meliputi bahagian demografi responden dan sikap murid terhadap pembelajaran kolaboratif. Markah ujian penilaian akhir tahun responden diambil untuk tujuan kajian ini dan segala maklumat yang didedahkan oleh responden adalah rahsia dan hanya khas untuk tujuan kajian ini sahaja.

Sampel soal selidik ini terdiri daripada 20 orang murid tingkatan satu dan 22 orang murid tingkatan dua. Sampel yang dipilih dalam menjawab soal selidik ini merupakan murid yang terlibat secara langsung di dalam amalan pembelajaran abad Ke-21 (pembelajaran kolaboratif) sejak permulaan pengenalan program TS25 pada tahun 2017.

Kajian ini menggunakan instrumen yang telah dibina oleh Brenda H. Loyd and Clarice P. Gressard, University of Virginia yang pada asalnya digunakan untuk mengukur konstruk sikap keresahan, keyakinan, kesukaan dan kebergunaan terhadap komputer. Instrumen ini telah diterjemah dan disesuaikan untuk mengukur sikap yang sama terhadap Pembelajaran Kolaboratif yang diterapkan melalui Program TS25.

Instrumen ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A merupakan bahagian maklumat peribadi responden manakala Bahagian B pula merupakan item berkenaan dengan sikap-sikap yang diukur iaitu Keresahan (*Anxiety*), Keyakinan (*Confidence*), Kesukaan (*Liking*) dan Kebergunaan (*Usefulness*). Bilangan item pada Bahagian B ialah 40 soalan yang mengukur empat konstruk dengan setiap konstruk diwakili oleh 10 soalan. Pengukuran konstruk ini adalah dalam bentuk skala likert dengan empat pilihan aras. Bagi memudahkan responden menjawab soalan soal selidik, Skala 4-Likert diberi kepada setiap item yang terdiri daripada kontinum empat pilihan iaitu bermula daripada 1 Sangat Tidak Setuju (STS), 2 Tidak Setuju (TS), 3 Setuju (S), 4 Sangat Setuju (SS). Responden hanya perlu membulatkan nombor-nombor yang disediakan sebagai maklum balas terhadap item-item yang diberikan dalam soal selidik.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Demografi Responden

a. Jantina

Jadual 1 menunjukkan pecahan jantina responden yang terbabit dengan kajian ini. Mereka terdiri daripada 13 (31.0%) orang murid lelaki dan 29 (69.0%) orang murid perempuan tingkatan 1 dan 2 yang terbabit secara aktif di pembelajaran kolabaratif yang menjadi sebahagian daripada inisiatif yang terdapat di dalam Program Sekolah Transformasi.

Jadual 1 : Jantina

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Lelaki	13	31.0	31.0	31.0
Perempuan	29	69.0	69.0	100.0
Jumlah	42	100.0	100.0	

b. Tempat Tinggal Responden

Jadual 2 menunjukkan tempat tinggal bagi responden yang terlibat. Seramai 38 orang responden atau 90.5% adalah mereka yang tinggal atau berasal dari kawasan luar Bandar sekitar daerah Kuala Muda/Yan manakala hanya 4 (9.8%) orang responden yang berasal dari bandar.

Jadual 2 : Tempat Tinggal

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Bandar	4	9.5	9.5	9.5
Luar Bandar	38	90.5	90.5	100.0
Jumlah	42	100.0	100.0	

c. Pencapaian UPSR

Jadual 3 menunjukkan pencapaian UPSR murid yang terlibat di dalam soal selidik ini. Secara keseluruhannya pencapaian UPSR murid di kedua-dua kelas adalah hampir sama, 22 orang murid (52.4%) daripada keseluruhan murid adalah murid dalam kategori cemerlang dalam UPSR dengan mendapat keputusan 4A dan 5A. Murid yang dikategorikan sebagai murid sederhana

dengan pencapaian 3A dan 2A adalah seramai 17 orang (40.5%) manakala selebihnya adalah murid yang mendapat 1A dan ke bawah iaitu seramai 3 orang (7.1%) sahaja.

Jadual 3 : Pencapaian UPSR

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
5A - 4A	22	52.4	52.4	52.4
3A - 2A	17	40.5	40.5	92.9
1A dan ke bawah	3	7.1	7.1	100.0
Jumlah	42	100.0	100.0	

d. Pekerjaan Ibu Bapa dan Anggaran Pendapatan Keluarga

Jadual 1.7.1.4 menunjukkan pecahan Pekerjaan Ibu/Bapa responden. Daripada soal selidik ini didapati bahawa majoriti responden iaitu 20 responden (47.6%) merupakan anak kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat di sekitar daerah Kuala Muda /Yan manakala 16 responden (38.1%) merupakan anak kepada ibu bapa yang berkerja sendiri dan pecahan terkecil datangnya daripada ibu bapa yang bekerja dalam sektor swasta iaitu 6 responden atau 14.3%.

Jadual 4 : Pekerjaan Ibu/Bapa

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Kerajaan	20	47.6	47.6	47.6
Swasta	6	14.3	14.3	61.9
Kerja sendiri	16	38.1	38.1	100.0
Jumlah	42	100.0	100.0	

Dari segi pendapatan isi rumah pula, didapati bahawa majoriti daripada keluarga responden mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM 3000 iaitu seramai 30 responden atau 71.4%. Seramai 7 responden (16.7%) merupakan responden yang datangnya dari keluarga yang berpendapatan RM 4999 hingga RM 3000 dan kumpulan responden yang mempunyai pecahan terkecil adalah mereka yang datangnya dari keluarga yang berpendapatan RM 5000 dan ke atas iaitu seramai 5 responden atau 11.9%.

Jadual 5 : Anggaran Pendapatan Isi Rumah

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
RM5000 dan ke atas	5	11.9	11.9	11.9
RM4999 - RM 3000	7	16.7	16.7	28.6
RM2999 dan ke bawah	30	71.4	71.4	100.0
Jumlah	42	100.0	100.0	

DAPATAN DAN ANALISIS DISKRIPTIF

a. Min, Mod dan Median Skor Konstruk Sikap

Jadual 6 menunjukkan Min, Mod dan Median bagi skor Sikap responden terhadap pembelajaran Kolaboratif. Daripada analisa didapati bahawa min skor tertinggi ialah pada konstruk Kesukaan (*liking*) iaitu 3.2071 dan min skor kedua tinggi (min = 3.1452) ialah konstruk kebolegunaan (*usefulness*). Min Skor yang tinggi ini menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif terhadap kedua-dua konstruk. Daripada kedua-dua dapatan ini juga dapat dibuat kesimpulan bahawa responden tidak berasa risau malah menyukai pembelajaran bercorak kolaboratif.

Dua lagi konstruk iaitu keyakinan (*confidence*) dan Keresahan (*Anxiety*) menunjukkan min skor yang melebihi 3.00 iaitu Keyakinan (min = 3.1405) dan Keresahan (min = 3.0595). Dapatan min skor konstruk sikap yang positif atau semakin menghampiri skor min 4.00 menunjukkan sikap responden yang semakin baik terhadap pembelajaran bercorak kolaboratif dan min skor kedua-dua konstruk ini menjadi indikator yang baik dan bermakna dalam pengamalan pembelajaran kolaboratif yang diamalkan.

Jadual 6 : Min, Mod dan Median Skor Konstruk Sikap

	Keresahan	Keyakinan	Kesukaan	Kebolegunaan
Min	3.0595	3.1405	3.2071	3.1452
Median	3.1000	3.2000	3.2000	3.2000
Mod	2.90 ^a	2.80 ^a	3.00 ^a	3.20
Std. Deviation	.40247	.40307	.38470	.36839

^a Terdapat pelbagai mod. Nilai terkecil ditunjukkan.

b. Min Skor Konstruk Sikap Mengikut Jantina

Jadual 7 menunjukkan dapatan min skor konstruk sikap terhadap pembelajaran kolaboratif mengikut jantina. Secara keseluruhannya didapati bahawa responden perempuan mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran kolaboratif berbanding dengan responden lelaki. min skor konstruk kesukaan bagi responden perempuan mencatat min yang tertinggi iaitu 3.2724 diikuti dengan konstruk keyakinan (3.2345), kebolegunaan (3.1862) dan keresahan (3.1214). Min skor konstruk kesukaan (3.0615) merupakan konstruk yang mempunyai dapatan tertinggi dibandingkan dengan konstruk-konstruk lain bagi lelaki. Dapatan daripada analisis mendapati min skor konstruk kebolegunaan (3.0538), keyakinan (2.9308) dan keresahan (2.9154).

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah responden perempuan mengatasi responden lelaki dalam semua konstruk. Responden perempuan mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran kolaboratif, mereka lebih berkeyakinan dan menyukai aktiviti yang dilakukan.

Jadual 7 : Min Skor Konstruk Sikap Mengikut Jantina

Jantina		Keresahan	Keyakinan	Kesukaan	Kebolehgunaan
Lelaki	Min	2.9154	2.9308	3.0615	3.0538
	N	13	13	13	13
	Sisihan Piawai	.38481	.33512	.34530	.34548
Perempuan	Min	3.1241	3.2345	3.2724	3.1862
	N	29	29	29	29
	Sisihan Piawai	.39969	.40025	.38904	.37676
Jumlah	Min	3.0595	3.1405	3.2071	3.1452
	Sisihan Piawai	.40247	.40307	.38470	.36839

c. Min Skor Konsrtuk Sikap Mingikut Tempat Tinggal

Jadual 8 menunjukkan min skor konsrtuk sikap responden terhadap pembelajaran kolaboratif merentas tempat tinggal. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan bahawa responden yang berasal dari luar bandar mempunyai min skor konstruk sikap yang lebih baik jika dibandingkan dengan min skor konstruk sikap responden bandar. Min yang lebih baik ini meliputi keempat-empat konstruk sikap iaitu kesukaan (3.2105), kebolehgunaan (3.1605), keyakinan (3.1526) dan keresahan (3.1000). Daripada analisis ini juga mendapati responden bandar agak resah (2.6750) dan kurang berkeyakinan (3.0350) dalam membabitkan diri dalam aktiviti pembelajaran kolaboratif. Responden bandar mempunyai min skor konsruk kesukaan (3.1750) dan kebolehgunaan (3.0000).

Jadual 8 : Min Skor Konsrtuk Sikap Mengikut Tempat Tinggal

Tempat tinggal		Keresahan	Keyakinan	Kesukaan	Kebolehgunaan
Bandar	Min	2.6750	3.0250	3.1750	3.0000
	N	4	4	4	4
	Sisihan Piawai	.26300	.20616	.35940	.31623
	Perbezaan	.069	.043	.129	.100
Luar Bandar	Min	3.1000	3.1526	3.2105	3.1605
	N	38	38	38	38
	Sisihan Piawai	.39524	.41832	.39166	.37383
	Perbezaan	.156	.175	.153	.140
Jumlah	Min	3.0595	3.1405	3.2071	3.1452
	N	42	42	42	42
	Sisihan Piawai	.40247	.40307	.38470	.36839
	Perbezaan	.162	.162	.148	.136

d. Min Skor Konsrtuk Sikap Mingikut Pencapaian UPSR

Jadual 9 menunjukkan min skor konstruk sikap mengikut pencapaian UPSR. Daripada analisis didapati bahawa responden yang mempunyai pencapaian UPSR 1A dan ke bawah mempunyai sikap yang lebih positif berbanding dengan responden yang mempunyai pencapaian yang lebih baik dalam UPSR. Walaupun begitu, dapatan ini disebabkan oleh perbezaan yang ketara dari segi jumlah responden di dalam setiap kategori. Bagi pencapaian 5A – 4 A bagi UPSR jumlah respondennya ialah 22 orang, 17 responden bagi kumpulan murid dalam kategori 3A – 2A dan hanya 3 responden yang berada dalam kumpulan pencapaian 1A dan ke bawah.

Jadual 9: Min Skor Konsrtuk Sikap Mengikut Pencapaian UPSR

Pencapaian UPSR		Keresahan	Keyakinan	Kesukaan	Kebolegunaan
5A - 4A	Min	3.0045	3.1182	3.1636	3.1227
	N	22	22	22	22
	Sisihan Piawai	.49230	.40431	.36845	.32650
	Perbezaan	.242	.163	.136	.107
3A - 2A	Min	3.1118	3.0941	3.2353	3.1000
	N	17	17	17	17
	Sisihan Piawai	.28258	.38966	.42565	.41079
	Perbezaan	.080	.152	.181	.169
1A dan ke bawah	Min	3.1667	3.5667	3.3667	3.5667
	N	3	3	3	3
	Sisihan Piawai	.25166	.32146	.30551	.15275
	Perbezaan	.063	.103	.093	.023
Jumlah	Min	3.0595	3.1405	3.2071	3.1452
	N	42	42	42	42
	Sisihan Piawai	.40247	.40307	.38470	.36839
	Perbezaan	.162	.162	.148	.136

e. Min, Median, Mod dan Frekuensi Pencapaian Ujian Penilaian Akhir Tahun
 Jadual 10 menunjukkan min pencapaian ujian penilaian akhir tahun bagi mata pelajaran Sejarah. Semakin menghampiri skor min 1.00 semakin baik mata pelajaran tersebut. Jadual 10 juga menunjukkan min mata pelajaran Sejarah (min = 1.62), bagi ujian penilaian akhir tahun. Jadual 11, mata pelajaran ini banyak terkumpul pada kumpulan murid sederhana dengan sejarah seramai 22 responden.

Jadual 10: Min, Median dan Mod Pencapaian Ujian Penilaian Akhir Tahun

		BM	MM	SC	SEJ	BI
N	Valid	42	42	42	42	42
Min		1.10	2.02	1.10	1.62	1.74
Median		1.00	2.00	1.00	2.00	2.00
Mod		1	2	1	2	2
Sisihan Piawai		.297	.749	.297	.582	.701

Jadual 11: Frekuensi Pencapaian Sejarah Ujian Penilaian Akhir Tahun

		Frequency	Percent (%)	Valid Percent	Cumulative Percent
Sah	Cemerlang (A-B)	18	42.9	42.9	42.9
	Sederhana (C-D)	22	52.4	52.4	95.2
	Potensi (E-F)	2	4.8	4.8	100.0
Jumlah		42	100.0	100.0	

f. Pencapaian Ujian Penilaian Akhir Tahun Mengikut Jantina

Jadual 12 menunjukkan min Pencapaian Ujian Penilaian Akhir Tahun merentas jantina. Sejarah (min = 1.54). Dapatan ini menjurus kepada taburan yang lebih baik bagi kumpulan sederhana dan cemerlang.

Jadual 12: Min Pencapaian Ujian Penilaian Akhir Tahun Merentas Jantina

Jantina	Mata Pelajaran					
		BM	MM	SC	SEJ	BI
Lelaki	Min	1.08	2.00	1.15	1.54	1.92
	N	13	13	13	13	13
	Sisihan Piawai	.277	.816	.376	.519	.641
Perempuan	Min	1.10	2.03	1.07	1.66	1.66
	N	29	29	29	29	29
	Sisihan Piawai	.310	.731	.258	.614	.721
Jumlah	Min	1.10	2.02	1.10	1.62	1.74
	N	42	42	42	42	42
	Sisihan Piawai	.297	.749	.297	.582	.701

ANALISIS KORELASI

Bagi analisis jenis inferensi Kolerasi Pearson, iaitu satu ukuran parametrik yang akan menghasilkan koefisien kolerasi yang berfungsi untuk mengukur kekuatan linear antara dua variable. Jika hubungan dua variable tidak linear, maka koefisien kolerasi Pearson tersebut tidak mencerminkan kekuatan hubungan dua variable yang diteliti walaupun kedua variable tersebut mempunyai hubungan yang kuat.

Simbol kolerasi Pearson adalah “p” jika diukur dalam populasi dan “r” jika diukur dalam sampel. Kolerasi Pearson mempunyai jarak antara antara -1 dan 1. Jika koefisien kolerasi adalah -1, maka kedua-dua variable yang diteliti mempunyai hubungan linear sempurna negatif. Jika koefisien kolerasi adalah +1, maka kedua-dua variable yang diteliti mempunyai hubungan linear sempurna positif. Jika koefisien kolerasi menunjukkan angka 0, maka tidak terdapat hubungan antara kedua-dua variable yang dikaji.

Hubungan min skor ujian sikap (*anxiety*, *confident*, *liking* dan *usefulness*) murid terhadap Kaedah Pembelajaran Kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.

Hipotesis Nul

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap keresahan (*anxiety*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.
- Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap keyakinan (*confident*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap kesukaan (*liking*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir.
- Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap kebolegunaan (*usefulness*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan sejarah ujian penilaian akhir tahun.

Dapatan Analisis

Jadual 14 menunjukkan hubungan min skor ujian sikap iaitu keresahan (*Anxiety*), keyakinan (*Confident*), kesukaan (*Liking*) dan kebolegunaan (*Usefulness*) dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun. Daripada analisis tersebut didapati bahawa aras signifikan bagi setiap konstruk sikap dengan keputusan Sejarah ($\rho > .005$). Oleh itu, semua hipotesis nul (Ho1, Ho2, Ho3 dan Ho4) ditolak dan diterima hipotesis alternatif.

Hipotesis alternatif :

Ha Terdapat hubungan yang signifikan antara min skor ujian sikap keresahan (*Anxiety*), keyakinan (*Confident*), kesukaan (*Liking*) dan kebergunaan (*Usefulness*) murid terhadap kaedah pembelajaran kolaboratif dengan keputusan Sejarah ujian penilaian akhir tahun 2018.

Jadual 14: Hubungan min skor ujian sikap dengan keputusan Sejarah Ujian Penilaian Akhir Tahun

		Keresahan	Keyakinan	Kesukaan	Kebolegunaan
Sejarah	Kolerasi Pearson	.110**	.005**	-.020**	.105**
	Sig. (2-tailed)	.490	.975	.899	.508
	N	42	42	42	42

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

RUMUSAN

Kajian ini dibuat adalah untuk melihat hubungan sikap murid terhadap pembelajaran kolaboratif dengan pencapaian ujian penilaian akhir tahun. Daripada analisis didapati bahawa sikap positif murid ke arah pembelajaran kolaboratif menyumbang kepada keputusan yang baik dalam Sejarah. Semakin positif sikap murid terhadap pembelajaran kolaboratif semakin baik pencapaian ujian penilaian akhir tahun. Dapatan ini dapat dijadikan indikator kejayaan pembelajaran kolaboratif dan seterusnya mengarah kepada keberhasilan murid. Daripada lima hipotesis nul yang bentuk pada awal kajian ini melalui lima soalan kajian, hipotesis nul berjaya ditolak dan hipotesis alternatif diterima.

Dengan pembelajaran kolaboratif ini dapat memajukan sistem pembelajaran dalam membina pengetahuan khususnya persekitaran kolaboratif. Walaupun kajian ini dijalankan kepada murid-murid tingkatan satu dan dua, diharapkan perubahan corak pembelajaran yang lebih positif ini dapat memberikan impak kepada keputusan peperiksaan SPM. Selain ini, konsep pembelajaran yang lebih kepada komunikasi untuk mendapatkan maklumat dapat membantu murid belajar dengan lebih matang. Murid bertukar-tukar peranan antara mereka sebagai pemberi maklumat dapat menghidupkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronok. Matlamatnya adalah untuk mengurangkan pemusatan guru yang menjadikan mata pelajaran Sejarah kurang diminati dan bersifat sehalu.

Dalam pembelajaran kolaboratif, guru adalah pemudah cara dan penilai, bukan sebagai hakim dalam menilai kerja murid. Oleh itu pembelajaran kolaboratif ini melibatkan tiga konsep utama iaitu bekerjasama antara satu sama lain dalam kumpulan perbincangan untuk berkongsi pengetahuan dan mengurangkan pertindihan usaha dalam mengumpulkan maklumat serta dapat menjimatkan masa, belajar secara sistematik dengan mencari bukti dari pelbagai sumber dan mengambil masa untuk membincangkan pelaksanaan, dan menyesuaikan diri secara strategik berdasarkan pembelajaran yang diterapkan.

Rujukan

- Ahmad Razaai Ayudin. (2011). *Keberkesanan Pengajaran Sejarah Berasaskan Pencapaian Matlamat Pembelajaran, Kesediaan Belajar, Kefahaman Konsep Pemikiran Sejarah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aiken, L. R. (1980). *Attitude measurement and research*. In D. A. Payne (Ed.), *Recent developments in affective measurement*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Baharuddin Aris., Rio Sumarni Shariffudin., & Manimegalai Subramaniam. (2002). *Reka bentuk perisian multimedia*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from https://books.google.com.my/books/about/Reka_bentuk_perisian_multimedia.html?id=E17W1Be4FwC&redir_esc=y
- Dillenbourg, P. (1999). *Collaborative learning : cognitive and computational approaches*. Pergamon. Retrieved from <https://eric.ed.gov/?id=ED437928>
- Donnelly, K. (2007). Australia's adoption of outcomes based education – a critique. *Issues in Educational Research*. Retrieved from <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED501707.pdf>
- Gokhale, A. A. (1995). Collaborative learning enhances critical thinking. *Journal of Technology Education*.
- Ilmu pendidikan untuk KPLI*. (2001). Utusan Publications & Distributors. Retrieved from [http://ent.uthm.edu.my/client/en_US/main/search/detailnonmodal/ent:\\$002f\\$002fSD_ILS\\$002fo\\$002fSD_ILS:45957/one?qu=](http://ent.uthm.edu.my/client/en_US/main/search/detailnonmodal/ent:$002f$002fSD_ILS$002fo$002fSD_ILS:45957/one?qu=)
- Isabel, G., Gracia, J., & Valverde, L. (1997). A new glance at History: A proposal towards meaningful learning. *Teaching History*, 86, 21–23.

- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. (2005). Laporan Status Mata Pelajaran Sejarah. Kamaruddin Hussin. (1993). *Pengajaran lisan : Kemahiran mendengar dan bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pelajaran Malaysia. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). Elemen KBAT dalam pentaksiran. <https://doi.org/370.152>
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2003). Laporan Prestasi Mata Pelajaran Sejarah. Maharom Mahmud. (1999). *Analisis Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Bahan Kurikulum Peringkat Menengah Rendah. Disertasi Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ming Chiu, M. (2008). Flowing Toward Correct Contributions During Group Problem Solving: A Statistical Discourse Analysis. *Journal of the Learning Sciences*, 17(3), 415–463. <https://doi.org/10.1080/10508400802224830>
- Ming Ming Chiu. (2000). *Group Problem-Solving Processes 27 Group Problem-Solving Processes: Social Interactions and Individual Actions*. *Journal for the Theory of Social Behaviour* (Vol. 30). Retrieved from http://gseweb.gse.buffalo.edu/fas/chiu/pdf/Group_Problem_Solving_Processes.pdf
- Ming Ming Chiu. (2004). Adapting Teacher Interventions to Student Needs During Cooperative Learning: How to Improve Student Problem Solving and Time On-Task. *American Educational Research*, 41(2), 365–399. Retrieved from http://gseweb.gse.buffalo.edu/fas/chiu/pdf/Adapting_Teacher_Interventions.pdf
- Mitnik, R., Recabarren, M., Nussbaum, M., & Soto, A. (2009). Collaborative robotic instruction: A graph teaching experience. *Computers & Education*, 53(2), 330–342. <https://doi.org/10.1016/J.COMPEDU.2009.02.010>
- Pushpalatha, S. (2006). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat : Satu Kajian Kes. *Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia, UPSI*.
- Sharifah Alwiah Alsagoff., A. (1985). *Sosiologi pendidikan*. Heinemann. Retrieved from [http://www.elib.upm.edu.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=137254&query_desc=au%3A%22Sharifah Alwiah Alsagoff.%22](http://www.elib.upm.edu.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=137254&query_desc=au%3A%22Sharifah+Alwiah+Alsagoff.%22)
- Smith, B. L., & MacGregor, J. T. (1992). What Is Collaborative Learning?". National Center on Postsecondary Teaching, Learning, and Assessment at Pennsylvania State University.
- Tam, M. (2014). Outcomes-based approach to quality assessment and curriculum improvement in higher education. *Quality Assurance in Education*, 22(2), 158–168. <https://doi.org/10.1108/QAE-09-2011-0059>
- Thorndike, E. L. (1931). A Teacher's Word Book of Twenty Thousand Words Found Most

Frequently and Widely in General Reading for Children and, Young People. *Bureau of Publications, Teachers College, Columbia University.*

Tori Harding-Smith. (1993). *Learning together: An introduction to collaborative learning.* New York: HarperCollins College Publishers.

Wisconsin's Guiding Principles for Teaching and Learning | Wisconsin Department of Public Instruction. (n.d.). Retrieved September 27, 2019, from <https://dpi.wi.gov/standards/guiding-principles>

Yasnitsky, A. (2018). *Vygotsky: an intellectual biography.* Routledge. Retrieved from <https://www.routledge.com/Vygotsky-An-Intellectual-Biography/Yasnitsky/p/book/9781138806740>

Zaretskii, V. K. (2009). The Zone of Proximal Development. *Journal of Russian & East European Psychology*, 47(6), 70–93. <https://doi.org/10.2753/RPO1061-0405470604>